

Masa: 2 jam

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

[25 markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada murid-murid yang berjaya," titah Sultan Selangor.

(ii) Pelbagai juadah-juadah yang enak dijual di bazar Ramadan untuk hidangan berbuka puasa.

(iii) Daniel berasal daripada Miri, Sarawak.

(iv) Pakaian yang diperagakan oleh peragawati itu teramat cantik sekali.

[8 markah]

2 Dalam petikan dialog di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin dialog itu semula.

Wartawan : Bagaimanakah perasaan saudara apabila terpilih sebagai Murid Cermelang?

Akmal : Saya berasa amat gembira. Saya tidak menduga bahawa saya berpeluang memenangi anugerah itu.

Wartawan : Bolehkah saudara berkongsi strategi pembelajaran dengan kami?

Akmal : Saya hanya memberikan sepenuh tumpuan di dalam kelas apabila guru sedang mengajar. Selain itu, saya juga menyediakan jadual waktu belajar untuk mengulangkaji pelajaran yang diajar oleh guru dan sentiasa mematuhi masa yang telah ditetapkan dalam jadual.

Wartawan : Saya mendapat tahu bahawa saudara juga aktif dalam ko-kurikulum. Bagaimanakah saudara membahagikan masa antara pelajaran dengan sukan?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]